

20 MAY 2002

Mahathir-Jepun/I

DR MAHATHIR TIBA DI JEPUN UNTUK LAWATAN KERJA

Oleh: Siti Hawa Othman

TOKYO, 20 Mei (Bernama) - Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tiba di sini hari ini untuk lawatan kerja tiga hari ke Jepun.

Jet eksekutif yang dinaikinya mendarat di Lapangan Terbang Narita pada 4.30 petang waktu tempatan, di mana beliau disambut oleh Duta Malaysia ke Jepun Datuk Mohd Marzuki Mohd Noor dan para pegawai kedutaan.

Dr Mahathir dan rombongannya kemudian bertolak ke pusat bandar Tokyo dengan kereta api JR Narita Express 34 dan dibawa dari Stesen Tokyo ke Hotel Imperial, di mana beliau akan menginap sehingga Rabu ini.

Malam ini, Dr Mahathir akan menghadiri jamuan makan malam yang diadakan oleh bekas perdana menteri Jepun, Yasuhiro Nakasone.

Nakasone memainkan peranan penting dalam menyokong Dasar Pandang ke Timur, kata Marzuki dalam taklimatnya kepada wartawan Malaysia yang membuat liputan lawatan perdana menteri ke sini.

Nakasone adalah perdana menteri Jepun ketika Malaysia memperkenalkan dasar itu kira-kira 20 tahun lepas.

Dr Mahathir mempunyai jadual yang padat pada Selasa termasuk mengadakan pertemuan dengan Perdana Menteri Jepun Junichiro Koizumi.

Beliau juga dijadual bersarapan dengan anggota-anggota Liga Persabatan Anggota Parlimen Jepun-Malaysia, kata Marzuki.

Anggota Liga itu, yang terdiri daripada 25 Anggota Parlimen termasuk dua menteri penuh dan dua naib menteri kanan, dianggap sebagai sahabat Malaysia kerana keberkesanan mereka membuat penjelasan tentang dasar-dasar Malaysia kepada Diet (Parlimen Jepun).

Marzuki berkata pertemuan itu merupakan peluang yang baik untuk bertukar-tukar idea selain membolehkan Dr Mahathir memberi taklimat kepada anggota-anggota Liga itu mengenai kemajuan Malaysia.

Pada tengah hari esok, Dr Mahathir akan menyampaikan ucapan mengenai "China - Satu Cabaran Atau Peluang Bagi Asean" pada Persidangan Antarabangsa Nikkei Ke-Lapan.

Persidangan itu, yang akan memberi tumpuan kepada China, bertemakan "Masa Depan Asia - Kemunculan China Dan Rangka Kerja Serantau Yang Berubah".

Dr Mahathir kemudian dijadual bertemu dengan Dr Kisho Kurokawa, jurubina Lapangan Terbang Antarabangsa KL (KLIA) di Sepang dengan perbincangan mereka dijangka berkisar tentang konsep "perkampungan bio" Malaysia.

Perkampungan bio telah dicadang menjadi tempat bagi industri-industri yang berkaitan dengan bio-teknologi dalam kawasan Koridor Raya Multimedia (MSC).

Dr Mahathir kemudian akan mengunjungi Koizumi di Sori Kantei, iaitu Pejabat Perdana Menteri Jepun, di mana kedua-dua pemimpin itu dijangka berbincang mengenai isu-isu yang mempunyai kepentingan bersama, perdagangan dua hala serta penubuhan "Universiti Teknikal" di Malaysia.

Dr Mahathir juga akan ditemuramah secara eksklusif oleh Nihon Keizai Shimbun, Inc (Nikkei) dan stesen televisyen N.H.K.

Beliau turut dijadual mengadakan pertemuan dengan Masajuro Shiokawa iaitu menteri kewangan dan pengerusi Persatuan Jepun-Malaysia, menghadiri jamuan khas bagi para pemimpin Asia bersama-sama Koizumi dan menghadiri jamuan malam sempena Persidangan Nikkei.

Pada Rabu, Dr Mahathir akan bertolak ke Nagasaki untuk majlis menamakan kapal Puteri Intan Satu, iaitu sebuah kapal milik Malaysia International

Shipping Corporation Bhd.

Dr Mahathir dijangka berlepas ke Seoul, Korea Selatan, pada 4 petang waktu tempatan pada Rabu.

-- BERNAMA

SHO MR SHY JR NAK